

17 NOV 1997

Mahathir - Go-kart

DARI GO-KART KE FORMULA SATU

PULAU PINANG, 17 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta golongan muda supaya menggunakan permainan go-kart elektrik sebagai gelanggang untuk berlatih dan menyediakan diri bagi mencapai hasrat Malaysia melahirkan pemandu kereta lumba Formula Satu.

Perdana Menteri berkata gelanggang go-kart elektrik yang disediakan oleh Great World Park di sini adalah ruang terbaik kepada golongan muda memahirkan diri dalam sukan luma kereta.

"Gelanggang ini juga merupakan satu tempat rekreasi bagi golongan muda menghabiskan masa lapang mereka dengan aktiviti berfaedah serta mengelakkan mereka daripada menghabiskan masa dengan lepak," katanya ketika merasmikan Great World Park di Island Plaza di sini.

Great World Park, yang mengendalikan gelanggang go-kart elektrik pertama di dunia itu, dimiliki sepenuhnya oleh Gamaria Sdn Bhd dengan kerjasama Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM) yang mengeluarkan go-kart elektrik berkenaan.

Dr Mahathir berkata aktiviti yang disediakan oleh syarikat itu akan membantu kerajaan dalam usaha membendung aktiviti kurang berfaedah di kalangan remaja.

Kemudahan lain yang disediakan oleh syarikat itu termasuk ruang membeli-belah, tempat makan dan rekreasi menunjukkan rakyat negara ini sedang menuju ke arah peningkatan taraf hidup yang lebih tinggi, katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, timbalannya Datuk Mohd Shariff Omar, Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad, Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali serta pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

Sebelum itu, lebih 500 anggota parti-parti komponen BN kawasan Bukit Bendera berhimpun di perkarangan bangunan Island Plaza dengan membawa sepanduk untuk menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Dr Mahathir.

Ketibaan Perdana Menteri, yang diiringi lebih 100 penunggang motosikal di bangunan itu, disambut dengan sorakan penyokong berkenaan yang menunggu lebih tiga jam untuk bertemu beliau.

Ketika berucap kepada mereka, Perdana Menteri berkata usaha negara luar untuk campur tangan dalam urusan pentadbiran negara ini telah membuatkan perpaduan antara masyarakat pelbagai kaum di negara ini semakin kukuh.

Sambil mengucapkan terima kasih bagi sokongan mereka, Dr Mahathir berkata perpaduan itu melambangkan sokongan padu rakyat terhadap kepimpinan beliau dan juga bukti keyakinan rakyat terhadap sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini.

Katanya beliau akan menyampaikan kepada negara luar bahawa rakyat Malaysia tidak membenarkan mereka mengganggu urusan pentadbiran negara ini.

-- BERNAMA

SA AHM MAI